




AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

GARIS PANDUAN

PERTANDINGAN
KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK)
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA
TAHUN 2025



1. TUJUAN GARIS PANDUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk menggariskan tatacara permohonan penyertaan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Panduan ini dihasilkan selaras dengan pekeliling yang dikeluarkan oleh **Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)** iaitu **Pekeliling Transformasi Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2016 mengenai Panduan Pembudayaan dan Pemerkasaan Inovasi Dalam Sektor Awam Melalui Horizon Baharu Kumpulan Inovatif dan Kreatif** bagi menggantikan Garis Panduan Mengenai Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang dikeluarkan pada 1 November 2009.

2. OBJEKTIF KIK

Objektif Pertandingan KIK APMM adalah:

- (a) Memberi penghargaan dan pengiktirafan kepada warga yang terlibat dalam KIK dengan memberi peluang membuat persembahan dan seterusnya secara langsung memberi kebaikan dan menaikkan imej Agensi.
- (b) Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara kerja yang diamalkan dengan lebih cekap.
- (c) Meningkatkan penyertaan semua peringkat pegawai/anggota di Agensi dalam aktiviti penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan.
- (d) Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang telah dilaksanakan dan terbukti mendatangkan manfaat agar dapat dicontohi dan diamalkan di dalam agensi dan di luar negara amnya.
- (e) Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan dan memelihara kesejahteraan rakyat.

3. BIDANG INOVASI DALAM KIK

Inovasi melalui konteks Horizon Baharu KIK terbahagi kepada dua (2) bidang inovasi iaitu:

(a) **Inovasi Sosial**

Bidang inovasi sosial merangkumi kaedah penyelesaian baharu (idea, model dan perkhidmatan) yang mampu memenuhi kepentingan sosial dengan lebih berkesan dan mengutamakan penglibatan rakyat.

(b) **Inovasi Penyampaian Perkhidmatan**

Bidang inovasi penyampaian perkhidmatan merupakan terjemahan idea baharu yang kreatif dan inovatif untuk mentransformasikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan. Inovasi Penyampaian Perkhidmatan bermatlamat untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan yang bersepadu dan lancar serta meningkatkan kepuasan hati pelanggan. Inovasi yang dihasilkan perlu mempunyai nilai tambah serta berupaya menyediakan perkhidmatan yang lebih inovatif, memperluaskan liputan perkhidmatan dan mudah diakses oleh rakyat.

4. KATEGORI INOVASI

Setelah pemilihan bidang inovasi dibuat, KIK boleh mengelaskan projek tersebut kepada dua (2) kategori inovasi iaitu seperti yang berikut:

(a) **Inovasi Penciptaan**

Penciptaan suatu produk, perkhidmatan atau proses yang **baharu** dan **belum pernah dilaksanakan**.

(b) **Inovasi Penambahbaikan**

Penambahbaikan sesuatu produk, perkhidmatan atau **proses sedia ada** melalui **kaedah yang inovatif** agar menjadi **lebih berkualiti serta berdaya saing**.

5. PEMBENTUKAN KUMPULAN

KIK APMM boleh di wujudkan daripada dua (2) jenis bentuk kumpulan iaitu:

(a) KIK Primer

Sekumpulan kakitangan yang terdiri daripada **sekurang-kurangnya dua (2) orang tetapi tidak melebihi sepuluh (10) orang** dari agensi sama untuk melaksanakan projek KIK.

(b) KIK Hibrid

Sekumpulan kakitangan terdiri daripada **dua (2) atau lebih agensi yang bersilang fungsi** yang bekerjasama untuk melaksanakan projek KIK Hibrid. **Bilangan ahli tertakluk pada skala, kos, kategori projek dan dipersetujui oleh pihak yang melaksanakan projek.** Bilangan ahli hendaklah seimbang atau pada bilangan yang munasabah. Digalakkan untuk menyediakan suatu memorandum bersama secara bertulis bagi memastikan kepentingan semua pihak terpelihara.

6. SYARAT - SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:

- (a) Penyertaan adalah terbuka kepada semua warga APMM di peringkat Ibu Pejabat/ Maritim Negeri/ AMSAS/ SUMS/ Zon Maritim.
- (b) Projek KIK yang dipertandingkan adalah asli dan belum pernah dipersembahkan oleh mana-mana kumpulan KIK sebelum ini.
- (c) Bilangan minimum ahli bagi setiap kumpulan adalah **dua (2) orang** dan bilangan maksima adalah **sepuluh (10) orang** termasuk ketua kumpulan. Fasilitator tidak termasuk dalam pengiraan ahli kumpulan KIK.
- (d) Penyertaan bilangan kumpulan KIK bagi mewakili Ibu Pejabat/ Maritim Negeri/ AMSAS/ SUMS/ Zon Maritim adalah tiada had.
- (e) Setiap penyertaan akan melalui peringkat saringan yang bertumpukan kepada kesempurnaan dokumentasi.

- (f) Setiap penyertaan perlulah dikemukakan bersama dokumentasi projek yang lengkap dan **WAJIB** mendapat kelulusan Ketua Jabatan/Agensi.
- (g) Setiap penyertaan perlu menggunakan borang rasmi seperti di **LAMPIRAN A**.
- (h) Kos projek/ hasil inovasi adalah menjadi tanggungjawab setiap kumpulan.
- (i) Semua penyertaan dalam pertandingan KIK perlu mengikut Panduan KIK yang telah dikeluarkan oleh pihak MAMPU.
- (j) Kumpulan KIK **WAJIB** hadir ke sesi pembentangan semasa penilaian KIK diadakan.
- (k) Pihak urus setia berhak menerima atau menolak penyertaan daripada mana-mana kumpulan KIK yang tidak layak berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan juga kuasa pertimbangan (sekiranya perlu). Keputusan pemilihan kumpulan-kumpulan untuk menyertai pertandingan oleh pihak urus setia adalah **muktamad**.
- (l) Pihak urus setia Pertandingan KIK APMM pada bila-bila masa berhak membuat sebarang pindaan terhadap mana-mana bahagian pada syarat-syarat penyertaan.

7. KRITERIA PROJEK KIK

Lima (5) kriteria yang perlu diambil kira oleh KIK di peringkat awal penghasilan projek bagi memastikan projek yang dipilih berjaya dilaksanakan dan seterusnya berpotensi untuk dikembangkan seperti berikut:

(a) Kreatif dan Inovatif

- i. Idea baharu yang kreatif diterjemahkan melalui penghasilan projek berinovatif yang memberi manfaat kepada organisasi dan pelanggan.

(b) Impak Positif Yang Tinggi Dan Menyeluruh

- i. Organisasi – Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan.

- ii. Pelanggan – Menepati standard perkhidmatan dan memenuhi harapan pelanggan.
- iii. Rakyat – Memastikan keperluan sosial rakyat dipenuhi.
- iv. Projek boleh dilaksanakan dalam tempoh yang singkat.

(c) Pulangan Nilai Terbaik

- i. Penjimatan kos melalui pengoptimuman penggunaan sumber.
- ii. Penjanaaan atau peningkatan pendapatan.

(d) Replikasi

- i. Projek berpotensi diadaptasi secara terus atau diubah suai mengikut keperluan agensi.
- ii. Agenda replikasi perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek.

(e) Pengkomersialan

- i. Penciptaan dan penyampaian nilai baharu kepada pelanggan di pasaran.
- ii. Projek berupaya bersaing di pasaran serta mampu menjana pendapatan
- iii. Agenda pengkomersialan perlu diambil kira pada peringkat penghasilan projek sebagai langkah awal pengembangan potensi projek.

8. DOKUMENTASI PROJEK

Projek KIK yang hendak dipertandingkan perlu mematuhi format dokumentasi projek yang teratur dan menyakinkan. Bagi tujuan ini, peserta KIK perlu menyediakan dokumen projek yang mengandungi perkara seperti berikut:

8.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

- a) Ringkasan Eksekutif perlu merangkumi:

- i. Penerangan ringkas projek KIK yang dilaksanakan merangkumi **bidang dan kategori inovasi**;
- ii. Penjelasan keberhasilan projek (**Outcome/ Impak**);
- iii. Potensi pengembangan/ pengkomersialan projek.

8.2 PERINCIAN PROJEK

- a) **Latar Belakang dan Penglibatan pihak pengurusan**
 - i. Mengemukakan Borang Penyertaan yang lengkap.
 - ii. Mendapatkan sokongan dan kelulusan pihak pengurusan melalui dokumen sokongan.
- b) **Signifikasi pemilihan projek**
 - i. Kaitan dengan fungsi utama agensi;
 - ii. Memenuhi kehendak pelanggan dan *stakeholder*;
 - iii. Kaitan dengan agenda nasional dan ekosistem semasa;
 - iv. Pembuktian melalui analisis (bagi tujuan penyelesaian) – menggunakan *tools* sebagai pemudah untuk kumpulan memilih projek ; dan
 - v. Perhatian hendaklah diberikan lima (5) kriteria projek KIK seperti di **perkara 7**.
- c) **Tindakan penyelesaian**
 - i. Penerangan mengenai strategi dan proses penyelesaian seperti berikut:
 - a. Strategi pelaksanaan termasuk aplikasi penggunaan *tools*;
 - b. Pernyataan *output* dan sasaran *outcome*;
 - c. Penghasilan dan pelaksanaan projek yang unik dan berimpak tinggi; dan
 - d. Tempoh penghasilan
 - ii. Perakuan daripada pihak bertauliah/ berkuasa.
 - iii. Pembuktian melalui perolehan data

- d) **Keberhasilan projek (Outcome)/ Impak projek**
 - i. Pencapaian outcome – strategi pelaksanaan
 - ii. Faedah sampingan
 - iii. Pembuktian melalui data dan sumber rasmi
- e) **Potensi pengembangan projek**
 - i. Tahap ketersediaan teknologi/ sistem/ proses
 - ii. Tahap replikasi atau pengkomersialan
 - iii. **Replikasi** – satu kaedah yang membolehkan agensi/jabatan menggunakan atau mengadaptasi projek-projek KIK yang memberi manfaat mengikut kesesuaian dan keperluan agensi/jabatan.
 - iv. **Pengkomersialan** – aktiviti penjanaan pendapatan melalui idea yang dihasilkan dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses, teknologi dan sistem organisasi yang dipasarkan dengan kaedah penjualan, perlesenan, penyerahan hak, pengembangan, pengilangan dan usaha sama francais.

Format Dokumentasi

Dokumentasi projek perlu mematuhi perkara-perkara seperti berikut:

- (a) **Ringkasan Eksekutif** – 300 hingga 500 patah perkataan/ tidak melebihi dua (2) muka surat;
- (b) **Perincian projek** – 3000 hingga 5000 patah perkataan / 10 hingga 15 muka surat; dan
- (c) Menggunakan *font* jenis *Arial*, saiz 12 dan *spacing multiple* 1.15.
- (d) Sila rujuk **LAMPIRAN E** untuk panduan lengkap penyediaan laporan komprehensif projek KIK.

8.3 RAKAMAN VIDEO

Peserta juga **disarankan** untuk menyediakan video penerangan/ persembahan/ demontrasi produk dalam bentuk video dan mengemukakan rakaman video dalam bentuk pautan/ *link (google drive)* atau *softcopy (pendrive)* dengan kriteria seperti berikut:

- a) Video hendaklah mempunyai kandungan yang menjelaskan/ membuktikan ciri-ciri, fungsi dan lain-lain sekiranya **hasil produk/ projek KIK tidak dapat ditunjukkan** semasa sesi pembentangan fizikal (bersemuka).
- b) Tempoh masa video tidak melebihi **03 minit** dan akan di kira bersekali tempoh masa pembentangan fizikal iaitu **10 minit** sahaja (contoh : Pembentangan fizikal 07 minit dan video 03 minit).
- c) Rakaman video perlu dikemukakan dalam format .mp4.
- d) Peserta bebas untuk menyediakan video mengikut kreativiti masing-masing. Walaubagaimanapun, pastikan video yang di hasilkan adalah jelas dan terang dari segi suara serta input yang ingin ditonjolkan bagi memudahkan panel membuat penilaian dan memberi komen penambahbaikan.

9. KRITERIA PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek adalah seperti di **Jadual 1** dan diterangkan secara terperinci di **LAMPIRAN C** dan **LAMPIRAN D**.

BIL	KRITERIA PENILAIAN	TEMPOH	MARKAH (%)	KETERANGAN	CATATAN
1	Penilaian Dokumentasi Projek KIK		60		Sebelum sesi pembentangan
2	Sesi Pembentangan Pembuktian	10 minit	40	Penilaian ke atas keberkesanan pembuktian projek	Semasa konvensyen

3	Sesi Soal Jawab	10 minit		Panel penilai akan mengemukakan soalan bagi mendapatkan penjelasan lanjut daripada kumpulan bertanding.	
----------	-----------------	-----------------	--	--	--

Jadual 1 : Ringkasan penilaian dan pemarkahan projek

10. PROSES PENILAIAN

Panel Penilai akan dilantik oleh urus setia yang telah diperakukan dan didaftarkan oleh Institut Tadbiran Awam (INTAN).

a) Penilaian Dokumentasi Projek KIK

Penilaian dokumentasi projek KIK akan diadakan oleh panel penilai sebelum Konvensyen KIK diadakan berdasarkan kriteria penilaian berdasarkan skema pemarkahan seperti di **LAMPIRAN C** (Borang Pemarkahan Dokumentasi).

b) Penilaian Melalui Pembentangan

Sesi Pembentangan Pembuktian

- i. Sesi pembentangan akan diadakan secara bersemuka antara panel penilai dan para peserta.
- ii. Tempoh masa pembentangan projek untuk setiap kumpulan adalah selama **10 minit** (termasuk tayangan video jika ada).
- iii. Panel penilai akan membuat penilaian berdasarkan pembentangan yang dipersembahkan oleh setiap kumpulan.
- iv. Keputusan panel penilai adalah muktamad.
- v. Kriteria penilaian dan skema pemarkahan adalah seperti di **Lampiran D** (Borang Pemarkahan Pembentangan Pembuktian)

c) **Sesi Soal Jawab**

Tempoh sesi soal jawab untuk setiap kumpulan adalah selama **10 minit** untuk menjawab soalan-soalan daripada panel penilai mengenai projek KIK dan laporan yang telah dikemukakan.

11. TATACARA PENYERTAAN

Semua kumpulan yang berminat untuk menyertai Pertandingan KIK APMM Tahun 2025 perlu:

- a) Mengemukakan permohonan penyertaan dengan melengkapkan borang penyertaan seperti di **LAMPIRAN A**.
- b) Setiap kumpulan dikehendaki untuk menyediakan **tiga (3) salinan dokumen secara hard copy** dan **video pembentangan** (jika ada secara **salinan soft copy (pendrive)** atau **pautan/ link (google drive)**).

Semua dokumen tersebut perlu dihantar kepada Urus Setia Pertandingan KIK APMM 2025 yang beralamat seperti berikut selewat-lewatnya sebelum atau pada **04 SEPTEMBER 2025 (Khamis)**.

URUS SETIA PERTANDINGAN KIK APMM 2025
Cawangan Keurusetiaan & Inovasi
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia,
Kementerian Dalam Negeri,
Aras 6, One IOI Square, IOI Resort,
62502 PUTRAJAYA.

☎ : 03-89957363

✉ emel : inovasiapmm@mmea.gov.my

12. HADIAH PERTANDINGAN

Hadiah kepada para pemenang Pertandingan KIK akan disampaikan semasa Sambutan Hari Inovasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2025.

Hadiah pertandingan adalah seperti berikut :

PEMENANG	HADIAH BAGI SETIAP PEMENANG
JOHAN	RM2,500.00 dan Piala dan Sijil Penyertaan
NAIB JOHAN	RM 1,750.00 dan Sijil Penyertaan
TEMPAT KETIGA	RM1,250.00 dan Sijil Penyertaan

*tertaluk kepada sebarang pindaan

13. PERTANYAAN

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi urus setia Pertandingan KIK APMM 2025 seperti di bawah ;

NAMA	NO. TELEFON	Email
Cik Novline Yuvashnee Korindasamy	03- 8995 7311	novline@mmea.gov.my
LK (M) Mohd Syukri Bin Kamis	03- 8995 7363	mohdsyukri@mmea.gov.my

LAMPIRAN A



BORANG PENYERTAAN

**PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)
AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA TAHUN 2025**

KATEGORI :

PENCIPTAAN

PENAMBAHBAIKAN

TAJUK PROJEK :

.....

TARIKH MULA PROJEK :

TARIKH SIAP PROJEK :

LATAR BELAKANG KUMPULAN

NAMA KUMPULAN :

NAMA KETUA KUMPULAN :

PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK DIHUBUNGI :

NAMA :

JAWATAN :

ALAMAT :

NO. TEL (P) :

NO. TEL (HP) :

EMEL :

TARIKH PENUBUHAN KUMPULAN :

BIL DAN NAMA AHLI : *(Sila Lampirkan Dilampiran Berasingan)*

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Pengesahan Ketua Jabatan/Agensi :

Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Ketua Jabatan pada _____.

Tandatangan Ketua Jabatan/ Agensi

Cop Jabatan/Agensi

.....

(Nama Ketua Jabatan/ Agensi)

Tarikh :.....

LAMPIRAN B

CONTOH DOKUMENTASI PROJEK

TAJUK PROJEK:		
ALAMAT PEJABAT :		
KATEGORI:	PENCIPTAAN	PENAMBAHBAIKAN

RINGKASAN EKSEKUTIF : (300 - 500 patah perkataan / tidak melebihi dua (2) muka surat)

Ringkasan perlu merangkumi perkara-perkara berikut:

- a) Bidang dan kategori inovasi
- b) Penjelasan keberhasilan projek (*outcome/ Impak*)
- c) Potensi pengembangan projek

PERINCIAN PROJEK (had maksima 15 muka surat sahaja dan tidak termasuk muka depan dan dokumen sokongan/apendiks)

- a) Penglibatan pihak pengurusan:
- b) Signifikan pemilihan projek:
- c) Tindakan penyelesaian:
- d) Keberhasilan projek:
- e) Potensi perkembangan projek:

LAMPIRAN C



PENILAIAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM
BORANG PEMARKAHAN DOKUMENTASI

TAJUK PROJEK :				
NAMA KUMPULAN :				
SEKTOR/ MN / ZM :				
<i>Arahan : Sila tanda (/) pada ruang yang berkaitan</i>				
PROFIL KUMPULAN :	PRIMER		HYBRID	
KATEGORI INOVASI :	PENCIPTAAN		PENAMBAHBAIKAN	
BIDANG PROJEK :	INOVASI SOSIAL		PERKHIDMATAN	
NAMA PANEL :			TANDATANGAN :	

ITEM	KRITERIA PENILAIAN	SUB KRITERIA	WAJARAN	SKALA (PANEL)	CATATAN
			(a)	(b)	
1	Penglibatan Pihak Pengurusan [4]	a . Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan tertinggi setiap agensi terlibat (Nota : KIK Hibrid perlu mengemukakan bukti dokumen persetujuan atau persefahaman bersama agensi yang terlibat)	4		
2	Signifikasi Projek & Pembuktian [10]	a . Kaitan dengan fungsi utama jabatan / agensi	1		
		b . Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder)	2		
		c . Sejajar dengan agenda dan matlamat nasional	2		
		d . Kaitan dengan keadaan & ekosistem semasa	2		
		e . Kaedah pemilihan projek dan analisis kewujudan isu/masalah	2		
		f . Penyataan sasaran outcome & Impak beserta penjelasan	1		

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF APMM TAHUN 2025

3	Tindakan Penyelesaian [23]	a	Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools	8		
		b	Penghasilan dan Pengujian Prototaip	8		
		c	Perakuan daripada pihak bertauliah/pihak berkuasa	3		
		d	Pelaksanaan Inovasi (penyeragaman)	4		
4.	Keberhasilan Projek [53]	a.	Pencapaian Outcome dan Pembuktian	25		
		b.	Faedah sampingan (luar jangka)	10		
		c.	Penilaian Impak dan Pembuktian	14		
		d.	Faedah sampingan (luar jangka)	4		
5.	Potensi Pengembangan Projek / Inovasi [10]	a.	Tahap ketersediaan teknologi/ sistem/ proses	4		
		b.	Tahap Replikasi atau Pengkomersilan	6		
JUMLAH				100		
Jumlah Akhir Penilaian Dokumentasi Projek KIK (60%)				<i>Jumlah (b)/100 X 60 =</i>		

LAMPIRAN D



PENILAIAN KUMPULAN INOVATIF & KREATIF (KIK) APMM
BORANG PEMARKAHAN PEMBENTANGAN PEMBUKTIAN

TAJUK PROJEK :						
NAMA KUMPULAN :						
SEKTOR/ MN / ZM :						
<i>Arahan : Sila tanda (/) pada ruang yang berkaitan</i>						
PROFIL KUMPULAN :		PRIMER		HYBRID		
KATEGORI INOVASI :		PENCIPTAAN		PENAMBAHBAIKAN		
BIDANG PROJEK :		INOVASI SOSIAL		PERKHIDMATAN		
NAMA PANEL :			TANDATANGAN:			
ITEM	KRITERIA PENILAIAN	SUB KRITERIA		WAJARAN	SKALA (PANEL)	CATATAN
				(a)	(b)	
	Pengenalan Projek [10]	a.	Pendahuluan	5		
		b.	Latar Belakang Projek	5		
2.	Analisi Projek [25]	a.	Kaedah analisis jelas dan difahami	10		
		b.	Kesinambungan idea antara idea	10		
		c.	Persembahan data yang tersusun dan menarik	5		
3.	Cadangan Penyelesaian [25]	a.	Cadangan yang kreatif, jelas dan difahami	10		
		b.	Pemilihan cadangan yang logik dan difahami	10		
		c.	Pelaksanaan uji cuba (<i>dry run</i>) yang logik dan difahami	5		
4.	Hasil (Outcome) dan Impak	a.	Hasil (outcome) diukur dan dijelaskan dengan baik	10		

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF APMM TAHUN 2025

	[20]	b.	Impak diukur dan dijelaskan dengan baik	10		
5.	Kreativiti Penyampaian / Persembahan			20		
JUMLAH				100		
Jumlah Akhir Pembentangan/ Persembahan Projek KIK (40%)				<i>Jumlah (b) / 100 X 40 =</i>		

LAMPIRAN E**PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMENTASI KOMPREHENSIF PROJEK KIK**

BIL	KRITERIA PENILAIAN	SUB KRITERIA PEMILIHAN	WAJARAN	CADANGAN PENGISIAN
1	Penglibatan Pihak Pengurusan [4]	a Sokongan dan kelulusan pihak pengurusan (Nota : KIK Hybrid perlu mengemukakan bukti dokumen persetujuan atau persefahaman bersama agensi yang terlibat)	4	<p>a) Sila kemukakan Borang Penyertaan yang lengkap.</p> <p>b) Sila buktikan inovasi yang dihasilkan mendapat kelulusan pengurusan tertinggi dip peringkat Bahagian/Maritim Negeri/ Zon Maritim.</p> <p>c) KIK Hibrid perlu mengemukakan bukti dokumen persetujuan atau persefahaman bersama agensi yang terlibat.</p>
2	Signifikasi Projek & Pembuktian [10]	<p>a Kaitan dengan fungsi utama jabatan / agensi</p> <p>B -Memenuhi kehendak pelanggan dan pemegang taruh (stakeholder). -Berorientasikan pelanggan (kumpulan sasaran yang sama) -Berorientasikan organisasi</p> <p>c Seajar dengan agenda dan matlamat nasional</p> <p>d Kaitan dengan keadaan & ekosistem semasa</p>	<p>1</p> <p>2</p> <p>2</p> <p>2</p>	<p>a) Sila buktikan inovasi yang dihasilkan adalah berkaitan Misi dan Visi Agensi.</p> <p>b) Sila terangkan dengan jelas berkaitan fungsi dan kepentingan organisasi secara langsung atau tidak langsung.</p> <p>a) Sila buktikan inovasi yang dihasilkan mempunyai kaitan dengan piagam pelanggan.</p> <p>b) Diterangkan dengan jelas berkaitan kepentingan stakeholder.</p> <p>a) Sila buktikan penghasilan inovasi mempunyai kaitan dengan hala tuju terkini dan sedia ada. (Contoh: <i>TN50, NKRA, GTP, ETP, RMK, dasar peringkat nasional dan lain-lain</i>)</p> <p>a) Sila buktikan inovasi yang dihasilkan mempunyai kaitan dengan isu/ masalah/ agenda/ ekspektasi/ keperluan setempat (<i>addressing localneeds</i>).</p>

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF APMM TAHUN 2025

		e	Kaedah pemilihan projek dan analisis kewujudan isu/masaah	2	<p>a) Sila nyatakan kaedah pemilihan projek.</p> <p>b) Sila lampirkan kewujudan data-data bagi isu/masalah yang sah dan telah dianalisa.</p>
		f	Penyataan Sasaran Outcome & Impak beserta penjelasan	1	a) Sila beri penjelasan yang terperinci berkenaan outcome dan impak selari dengan projek yang dipilih.
3	Tindakan Penyelesaian [23]	a	Strategi penyelesaian kreatif termasuk aplikasi penggunaan tools	8	<p>a) Sila berikan kaedah penyelesaian yang digunakan</p> <p>b) Sila berikan penerangan yang jelas mengenai kaedah penyelesaian.</p> <p>c) Sila berikan penerangan mengenai strategi pelaksanaan.</p>
		b	Penghasilan dan Pengujian Prototaip	8	<p>a) Sila tunjukkan penghasilan projek, bermula dari idea (lakaran), sehingga prototaip akhir yang dihasilkan.</p> <p>b) Sila sertakan penemuan/laporan ujian makmal/kelemahan produk/ maklum balas/ penambahbaikan atau laian-lain dokumen yang berkaitan..</p>
		c	Perakuan daripada pihak bertauliah/pihak berkuasa	3	<p>a) Sila sertakan Perakuan Dan Pembuktian dari mana-mana pihak bertauliah/pihak berkuasa.</p> <p>Contoh: JKR/ PBT/ Suruhanjaya Tenaga/ SIRIM/ NIOSH/ CIDB/ PUSPAKOM/ lain-lain <i>certified body</i> yang relevan.</p>
		d	Pelaksanaan Inovasi (penyeragaman)	4	a) Sila nyatakan pelaksanaan inovasi telah diaplikasikan dalam persekitaran sebenar dan memastikan inovasi yang dilaksanakan telah digunakan secara konsisten samada di

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF APMM TAHUN 2025

					jabatan/unit.
4	Keberhasilan Projek [53]	a	Pencapaian Outcome dan Pembuktian	25	<p>a) Sila nyatakan keberhasilan inovasi yang dihasilkan terhadap fungsi organisasi, keperluan dan kehendak pelanggan, keperluan pemegang taruh, ekosistem dan keperluan keadaan semasa dalam tempoh jangka pendek. Contoh: Kesan terhadap masa, kos, tenaga manusia, produktiviti, kualiti, keselamatan, alam sekitar dan lain-lain.</p> <p>b) Sila lampirkan data, pengiraan, gambar dan lain - lain pembuktian yang relevan</p>
		b	Faedah sampingan (luar jangka)	10	<p>a) Sila nyatakan faedah lain yang diperolehi daripada projek inovasi dalam tempoh jangka pendek atau potensi pengembangan faedah. Contoh: nilai tambah, <i>product range</i>, dan aplikasi.</p> <p>b) Sila lampirkan data, pengiraan, gambar, dan lain - lain pembuktian yang relevan</p>
		c	Penilaian Impak dan Pembuktian	14	<p>a) Sila nyatakan sejauh mana projek KIK yang dilaksanakan memberi kesan terhadap fungsi organisasi, keperluan dan kehendak pelanggan, keperluan pemegang taruh, ekosistem, masyarakat, dan keperluan keadaan semasa dalam tempoh jangka panjang.</p> <p>b) Sila lampirkan data, pengiraan, gambar, dan lain - lain pembuktian yang relevan</p>
		d	Faedah sampingan (luar jangka)	4	<p>a) Sila nyatakan faedah lain yang diperolehi dari projek inovasi dalam tempoh jangka panjang. Contoh: Peningkatan peluang pekerjaan, peningkatan pembangunan fizikal, mengeratkan hubungan diplomatik melalui</p>

GARIS PANDUAN PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF APMM TAHUN 2025

					<p>kolaborasi dan usahasama dan lain-lain.</p> <p>b) Sila lampirkan data, pengiraan, gambar, dan lain-lain pembuktian yang relevan.</p>
5	Potensi Pengembangan Projek / Inovasi [10]	a	Tahap ketersediaan teknologi/sistem/proses	4	<p>a) Sila nyatakan/buktikan :</p> <p>i. Kesiediaan produk untuk diguna pakai serta merta (<i>Finish Goods</i>);</p> <p>ii. Keperluan tambahbaik proses kerja/ produk sedia ada sekira mendapat dana yang mencukupi.</p> <p>iii. Cadangan mewujudkan nilai baru dan</p> <p>iv. Libat urus (<i>Engagement</i>) dengan pihak luar berkenaan adaptasi produk, perkongsian ilmu, dan lain-lain.</p>
		b	Tahap replikasi atau pengkomersialan	6	<p>a) Sila nyatakan/buktikan inovasi yang dihasilkan boleh dijadikan produk atau perkhidmatan yang boleh di jual atau menjana pendapatan.</p> <p>b) Sila nyatakan inovasi yang dihasilkan boleh digunapakai atau dilaksanakan oleh pihak lain (kerajaan/swasta/komuniti dll) dan berikan cadangan pihak yang berkaitan.</p>